

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 OGOS 2016 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Sesi percambahan lonjak daya komersial	Berita Harian
2.	RM30 juta Geran Inovasi Sosial telah disalurkan	Utusan Malaysia
3.	MOSTI salur RM32.8j geran Innofund kepada 60 projek inovasi	Sinar Harian
4.	'Pitching sessions yield results'	New Straits Times
5.	Engineering medical solutions	The Star

KONGRES TEKNOLOGI, SAINS DAN KEJURUTERAAN DUNIA (ESTCON) 2016

Sesi percambahan lonjak daya komersial

➔ Tingkatkan usaha ketengah teknologi di pasaran

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sesi percambahan adalah pemangkin terbaik dalam memacu daya komersial pelbagai teknologi yang dibangunkan institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata penyelicik di IPT sukar mengetengahkan teknologi di pasaran berikutan beberapa faktor, termasuk gagal menepati kehendak pengguna dan pelabur.

Sehubungan itu, katanya, sesi percambahan yang menjadi titik pertemuan antara penyelicik dan peneraju pasaran merangkumi pelbagai industri dianjurkan untuk melonjak daya pengkomersialan teknologi.



Penganjuran sesi percambahan dan pameran di pelbagai persidangan mencatat peningkatan daya komersial teknologi IPT yang memberangsangkan

Dr Abu Bakar Mohamad Diah,
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Lulus tiga jenis dana

"Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) meluluskan tiga jenis dana penyelidikan iaitu sains dan inovasi untuk kegunaan IPT, manakala prakomersial kepada usahawan.

"Bagaimanapun, kita mengenal pasti punca daya komersial teknologi dibangunkan IPT di Malaysia masih rendah kerana langsung tiada interaksi dengan peneraju pasaran.

"Penganjuran sesi percambahan

dan pameran di pelbagai persidangan mencatat peningkatan daya komersial teknologi IPT yang memberangsangkan," katanya pada sidang media selepas merasmikan penutup Kongres Teknologi, Sains dan Kejuruteraan Dunia (ESTCON) 2016, semalam.

Penganjuran kongres merangkumi sembilan persidangan yang dijalankan serentak, sejak Isnin lalu itu turut menyaksikan pembentangan 1,023 projek penyelidikan pelbagai bidang.

Info

RMKe-10 (data setakat 30 Jun 2016)

- Jumlah dana diluluskan - RM1,009.6 juta
- Projek diluluskan - 1,886
- Projek siap - 766
- Hasil jualan - RM751.8 juta
- Peluang pekerjaan - 23,516

RMKe-9

- Jumlah dana diluluskan - RM2,896.75
- Projek diluluskan - 4,566
- Projek siap - 3,933
- Hasil jualan - RM3,431.54 juta
- Peluang pekerjaan - 14,800

Abu Bakar berkata, penilaian MOSTI setakat 30 Jun lalu menunjukkan kadar komersial teknologi dibangunkan IPT melalui Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) meningkat kepada 12 peratus, berbanding sekitar lapan peratus menerusi RMKe-9.

40 projek penyelidikan

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), Datuk Dr Abdul Rahim Hashim, berkata 40 projek penyelidikan terbabit dalam sesi percambahan ESTCON 2016, peningkatan 53.8 peratus berbanding ESTCON 2014.

Beliau berkata, semua projek penyelidikan yang dibentangkan untuk penilaian pelabur dan peneraju industri itu kini akan melalui proses penajajaran semula supaya menepati kehendak pasaran.

"Ini impak sesi percambahan yang dianjurkan ESTCON supaya prospek teknologi dibangunkan IPT dan pereka bebas berpotensi untuk diketengahkan di pasaran tempatan serta antarabangsa.

"Ia turut memberi impak kepada masyarakat dan pembangunan insan kerana mewujudkan peluang pekerjaan di pelbagai industri perkhidmatan, sekali gus meningkatkan sosioekonomi sektor hiliran," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 18 OGOS 2016 (KHAMIS)

RM30 juta Geran Inovasi Sosial telah disalurkan

JASIN 17 Ogos - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah meluluskan pengeluaran RM25 juta hingga RM30 juta daripada dana RM50 juta Geran Inovasi Sosial sejak tahun lalu sehingga kini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, jumlah tersebut dikeluarkan kepada kira-kira 85 peratus daripada 500 permohonan yang diterima sepanjang tempoh berkenaan.

Katanya, geran yang diluluskan mempunyai nilai berbeza mengikut pelaksanaan kerja-kerja berkaitan inovasi dalam pelbagai bidang.

"Geran Inovasi Sosial ini diberikan kepada penyelidik yang mempunyai produk baharu yang boleh diketengahkan dan dikomersialkan dengan syarat mesti membawa kebaikan kepada komuniti atau masyarakat.

"Jika produk inovasi pemohon menepati kriteria tersebut, kita tidak teragak-agak untuk meluluskan geran itu, tambahan pula produk-produk dihasilkan melalui geran ini sudah banyak yang berjaya serta membuahkan hasil baik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan geran inovasi sosial komuniti kepada sekumpulan penyelidik Projek Inovasi Portable Eco Supply di Jeti Pantai Siring, Merlimau di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Jasin, Datuk Ahmad Hamzah; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam, Datuk Zaidi Atan dan Pengarah Politeknik Merlimau, Zolkarnain Jobshi.

Abu Bakar berkata, geran berkenaan membawa faedah kepada masyarakat dan berikutan itu kementerian bakal menganjurkan Ekspo Pengkomersialan Produk sempena Tahun Pengkomersialan Malaysia yang dijangka diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya telah meluluskan peruntukan RM102,000 melalui Geran Inovasi Sosial Komuniti bagi produk inovasi dihasilkan sekumpulan penyelidik Politeknik Merlimau.

Menurutnya, produk tersebut boleh menjana tenaga elektrik tanpa menggunakan generator dengan mengguna solar panel sebagai tenaga tambahan dan selebihnya boleh dicaskan di rumah.

"Kita memberi tempoh 12 bulan kepada 10 penyelidik dari Politeknik Merlimau ini untuk menghasilkan 100 unit produk ini sebelum diserahkan kepada nelayan-nelayan di sini.

"Kita mahu produk ini secepat mungkin dan diserahkan kepada para nelayan di Pantai Siring ini supaya mereka dapat menggunakan serta menguar-uarkan kepada masyarakat," katanya.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kiri) melihat 'Portable Eco Supply' dihasilkan Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Merlimau, Melaka, semalam. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 18 OGOS 2016 (KHAMIS)

Mosti salur RM32.8j geran Innofund kepada 60 projek inovasi

JASIN - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menyalurkan RM32.8 juta daripada peruntukan RM50 juta dalam geran Innofund kepada 60 projek inovasi sepanjang tahun ini.

Timbalan Menteri berkenaan, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, dana itu, yang memberi peruntukan maksimum RM500,000 bagi setiap permohonan, bertujuan mengkomersialkan setiap produk yang dihasilkan, selain membolehkan produk inovasi negara membantu masyarakat.

"Setiap tahun, kita menerima banyak permohonan bagi dana Innofund dan tapisan dilakukan sebelum kelulusan dibuat.

Tahun lepas, kita menerima kira-kira 500

permohonan dan 85 peratus daripadanya sudah diluluskan.

"Banyak produk inovasi diperkenal dan dikomersil di bawah dana ini... kita akan kumpulkan semua produk termasuk yang dihasilkan di bawah semua kementerian yang menerima geran ini pada Ekspo Pengkomersilan pada November depan," katanya kepada media di Merlimau, semalam.

— Terdahulu, beliau menyerahkan cek bernilai RM102,000 bagi geran Innofund kategori Community Innovation Fund (CIF) kepada Pengarah Politeknik Merlimau, Zolkarnain Jobshi untuk melaksanakan projek Portable Eco Supply yang dibangunkan Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Merlimau. - *Bernama*



Abu Bakar (dua, kiri) melihat Portable Eco Supply dihasilkan Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Merlimau, semalam.

